

12/10/2003

Tolak anggapan belajar ilmu sains sekular

CYBERJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu umat Islam di negara ini menolak tanggapan sempit dan negatif bahawa mempelajari ilmu sains adalah sekular yang dianggap cuba melawan ketentuan Allah SWT sebagai Pencipta.

Perdana Menteri berkata, mempelajari bidang sains dan matematik sebenarnya adalah satu ibadat dan sebahagian daripada ilmu yang dapat menginsafi manusia dan tunduk kepada kekuasaan-Nya.

Beliau berkata, saintis akan terus membuat penemuan baru seperti pengklonan dan tidak siapa akan mengetahui apa yang akan mereka temui pada masa depan dan tidak ada siapa juga mempunyai jawapan terhadap penemuan mereka.

Bagaimanapun, katanya, usaha umat Islam mempelajari ilmu sains sebenarnya akan lebih mengetahui banyak rahsia alam dan kekuasaan pencipta-Nya dan bukan sebaliknya.

"Oleh itu, umat Islam tidak sewajarnya melihat bahawa hanya dengan mempelajari agama saja dapat menginsafkan mereka kepada kekuasaan Allah, tetapi mempelajari ilmu sains juga dapat meningkatkan ketakwaan mereka kepada Allah," katanya ketika berucap merasmikan bangunan dan makmal InventQjaya Sdn Bhd, di Cyberjaya, di sini semalam.

InventQjaya adalah bangunan mengandungi makmal bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan (R&D) bertaraf dunia terletak di kawasan seluas 28,000 meter persegi dan Cyberjaya.

InventQjaya diwujudkan bagi mengumpul saintis terutama di kalangan rakyat tempatan untuk menjalankan penyelidikan dalam pelbagai bidang bagi mencapai hasrat negara menjadi negara maju menjelang 2020.

InventQjaya adalah projek usahasama antara Kerajaan Malaysia dan Perbadanan Reveo yang berpangkalan di Amerika Syarikat yang turut menjalankan kerja penyelidikan dan pembangunan.

Turut hadir Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) InventQjaya, Dr Sadeg Faris yang juga Pengerusi Perbadanan Reveo.

Mahathir berkata, penemuan yang berjaya dihasilkan oleh InventQjaya sangat mengagumkan dan Malaysia patut menjadi negara yang mampu mencipta dan bukan lagi sebagai negara pengguna semata-mata.

Terdahulu pada majlis yang sama, Dr Mahathir turut menyaksikan penghasilan kereta yang digerakkan menggunakan bateri keluli yang berupaya dipandu sejauh 516 kilometer tanpa menggunakan sebarang bahan api.

Projek kenderaan menggunakan bateri keluli itu, membabitkan 30 saintis InventQjaya yang dinamakan Malaysia eVictory atau 'MeVictory' yang berjaya memecahkan rekod asal sejauh 172 km.